

<p style="text-align: center;">PROSEDUR PERMOHONAN PUNGUTAN KHAIRAT MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR</p>

1. Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pungutan Khairat yang dikeluarkan oleh MAIS.(MAIS/PK/01). Sila sertakan dokumen-dokumen seperti berikut :
 - I. Surat permohonan rasmi membuat pungutan khairat.
 - II. Maklumat pendaftaran pertubuhan/Sekolah/Institusi/Tahfiz/Yayasan, Persatuan/Masjid/Surau dan lain-lain.
 - III. Salinan Penyata bank terkini
 - IV. Profail/Kertas Cadangan Pertubuhan/Sekolah/Institusi/Tahfiz/Yayasan, Persatuan/Masjid/Surau dan lain-lain.
 - V. Salinan Kad Pengenalan/Pasport bagi setiap pengutip.
 - VI. Salinan Buku Resit/Kupon Pungutan Khairat serta lain-lain dokumen yang difikirkan perlu untuk menyokong permohonan.
2. Hanya permohonan yang lengkap dan menepati terma-terma yang ditetapkan sahaja yang akan diproses untuk kelulusan.
3. Setiap permohonan yang diterima dari luar negeri Selangor hendaklah mendapat surat pengesahan daripada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing berkaitan keperluan seperti yang dinyatakan di dalam surat permohonan.
4. Setiap maklumat-maklumat yang berkaitan status tanah, surat kebenaran membina/membaik pulih hendaklah mendapat pengesahan/sokongan atau kelulusan daripada agensi-agensi berkaitan seperti PBT, PTG dan MAIN masing-masing.
5. Bayaran RM 50 dikenakan ke atas setiap permohonan kali pertama dan RM 30 bagi permohonan lanjutan.

LARANGAN MEMUNGUT WANG ATAU SUMBANGAN TANPA KEBENARAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

1. Berdasarkan Seksyen 106 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, "Majlis boleh memungut atau, dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh Majlis, membenarkan mana-mana orang atau kumpulan orang, dengan apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Majlis, memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum Syarak".
2. Adalah menjadi kesalahan kepada mana-mana orang untuk membuat atau mengambil bahagian dalam apa-apa pungutan khairat termasuklah membenarkan atau meletakkan apa-apa tabung kutipan derma di mana-mana premis bagi tujuan agama Islam atau faedah orang Islam kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MAIS.
3. MAIS melalui Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Selangor boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana individu atau kumpulan yang didapati memungut wang atau sumbangan bagi maksud khairat tanpa kebenaran MAIS.

SUBSEKSYEN 106 (5) ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

Oleh yang demikian, pihak MAIS menetapkan pemohon dari mana-mana Institusi seperti individu, masjid, surau, madrasah, sekolah atau pertubuhan rumah kebajikan hendaklah mempunyai kebenaran bertulis daripada MAIS terlebih dahulu sebelum apa-apa aktiviti pungutan atau sumbangan dijalankan. Adalah menjadi kesalahan mengambil bahagian dalam membuat apa-apa pungutan khairat tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada pihak MAIS apabila disabitkan kesalahan boleh **DIDENDA TIDAK MELEBIHI SATU RIBU RINGGIT ATAU DIPENJARAKAN SELAMA TEMPOH TIDAK MELEBIHI ENAM BULAN** atau kedua-duanya.